

03 AUG 1999

Azhar-Pelayaran

AZHAR MENUJU KE UTARA DALAM CUBAAN MELINTASI KHATULISTIWA

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Pelayar Malaysia Datuk Azhar Mansor sedang menuju ke utara dalam cubaan untuk melintasi Khatulistiwa secepat mungkin kerana keadaan laut di situ lebih stabil.

Ini untuk membolehkan Azhar, yang belayar dengan Jalur Gemilang berharga RM2 juta, sampai ke Malaysia minggu depan.

Noel Belman, penasihat teknikal pangkalan darat, berkata Azhar kini berada kira-kira 150 batu nautika di selatan Khatulistiwa.

"Dengan hanya 91 batu nautika yang diliputi 24 jam lepas, ia akan mengambil masa satu setengah hari lagi baginya melintasi garisan itu," katanya.

Sementara itu Azhar berkata pelayarannya agak lembab dalam keadaan cuaca yang sering berubah.

"Langit mendung yang sering membawa hujan, menjadikan keadaan angin berbeza-beza dan tumpuan saya banyak pada kerja-kerja pelayaran," kata Azhar dalam e-melnya ke pangkalan darat di resort Awana Porto Malai di sini.

Sambutan besar-besaran menyambut kepulangan Azhar sedang dirancang apabila beliau sampai ke garisan penamat pelayarannya di jeti Star Cruise, Tanjung Malai di sini pada 10 Ogos dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri dijangka hadir menyambut ketibaan pelayar anak kelahiran Perlis itu.

Azhar sedang menuju ke Sabang di Utara Sumatera, Indonesia kira-kira 980 batu nautika dari kedudukannya hari ini.

Azhar, dalam cubaannya menjadi rakyat Malaysia pertama belayar solo mengelilingi dunia, kini memasuki hari ke-182 pelayarannya.

Beliau telah mencatat 24,153 batu nautika dan mempunyai 1,256 batu nautika lagi untuk menamatkan pelayaran.

-- BERNAMA

NH THG RON